

Nama: .....

Kelas : .....

**SULIT**  
**015/1**  
**Matematik**  
**Kertas 1**  
**Set 5/2004**  
**1 Jam**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**  
**UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH**  
**PORTAL PENDIDIKAN UTUSAN 2004**

**MATEMATIK**

Kertas 1  
Satu jam

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Rajah yang mengiringi masalah dalam kertas soalan ini bermaksud untuk memberikan maklumat yang berguna bagi menyelesaikan masalah. Rajah tidak semestinya dilukis mengikut skala.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A,B,C dan D. Antaranya ada satu sahaja jawapan yang betul. Pilih jawapan yang betul itu. Kemudian pada kertas jawapan anda, hitamkan ruangan yang mempunyai huruf yang sama dengan jawapan yang anda pilih itu.*
4. *Cara menjawab adalah seperti di bawah ini.*  
*Contoh soalan:*  
 $40 + 20 =$   
A 2  
B 20  
C 60  
D 80  
*Jawapan yang betul bagi contoh soalan ialah 60 dan hurufnya ialah C. Lihat contoh pada kertas jawapan yang diberi. Ruangan bagi huruf C telah dihitamkan.*
5. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah anda buat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru .*
6. *Anda boleh membuat kerja mengira di ruang kosong di dalam kertas soalan.*

1  $630\,000 =$

- A 0.63 juta
- B 6.3 juta
- C 63 juta
- D 630 juta

2 Bundarkan 479 326 kepada puluh ribu yang terdekat

- A 470 000
- B 478 000
- C 479 000
- D 480 000

3  $606\,309 \div 29 =$

- A 2 097 baki 6
- B 20 097 baki 12
- C 20 907 baki 6
- D 29 007 baki 12

4  $12 + 3.09 - 5.7 =$

- A 1.41
- B 9.39
- C 10.39
- D 10.79

5  $15 - 4\frac{2}{1000} =$

- A 10.02
- B 10.998
- C 11.2
- D 11.002

6  $\frac{1}{7}$  terletak di antara

- A 2.0 dan 2.5
- B 1.8 dan 2.0
- C 0.2 dan 0.25
- D 0.13 dan 0.2

7  $4\frac{3}{8} - \frac{1}{2} =$

A  $3\frac{3}{4}$

B  $3\frac{7}{8}$

C  $4\frac{1}{8}$

D  $4\frac{1}{3}$

5.762

8 Digit 6 dalam nombor di atas bersamaan dengan

A 6

B 0.6

C 0.06

D 0.006

9 Tukarkan 160% kepada nombor pecahan.

A  $\frac{4}{25}$

B  $1\frac{3}{5}$

C  $1\frac{4}{5}$

D  $3\frac{1}{5}$

10 Diberi  $42 \times 17 = 714$

Antara yang berikut, yang manakah hasil darabnya 7.14?

I	$42 \times 1.7$
II	$42 \times 0.17$
III	$17 \times 4.2$
IV	$17 \times 0.42$

A I dan II

B II dan III

C II dan IV

D III dan IV


11 Antara berikut yang manakah *tidak* setara dengan  $\frac{2}{3}$ ?

A  $\frac{6}{9}$

B  $\frac{14}{21}$

C  $\frac{15}{30}$

D  $\frac{16}{24}$



Rajah 1

12 Rajah 1 menunjukkan garis nombor. Antara berikut yang manakah nilai x?

A  $\frac{1}{6}$

B  $\frac{1}{3}$

C  $\frac{2}{6}$

D  $\frac{1}{4}$

13 Diberi purata 3 nombor ialah 45 manakala purata bagi 2 nombor yang lain ialah 75. Langkah untuk mengira purata bagi lima-lima nombor itu ialah

A  $\frac{45 + 75}{4}$


B  $(45 \times 3) + (75 \times 2)$

C  $\frac{(45 \times 3) + (75 \times 2)}{5}$

D  $\frac{(45 \times 5) - 75}{5}$

14 Antara berikut yang manakah nilainya paling kecil?

- A 4.30
- B 4.36
- C 4.306
- D 4.036



**Rajah 2**

15 Rajah 2, PQ dan R ialah garis lurus. Panjang PQ adalah  $\frac{3}{5}$  daripada jarak QR. Panjang PR, dalam m, ialah

- A 0.09 m
- B 0.018 m
- C 0.144 m
- D 3.24 m



Harga: RM68  
Diskaun: 25%

**Rajah 3**

16 Rajah 3 menunjukkan harga dan diskaun yang diberi bagi sehelai baju. Jika harga kos baju itu ialah RM 45, berapakah keuntungan yang diperolehi?

- A RM 6
- B RM 17
- C RM 51
- D RM 85

Tahun	1995	1996	1997	1998	1999
Jualan Kereta	400	420	460	464	476

**Jadual 1**

17 Jadual 1 menunjukkan jualan kereta di sebuah syarikat untuk lima tahun. Pada tahun berapakah bilangan jualan kereta bertambah sebanyak 16% daripada tahun 1995?

- A 1996
- B 1997
- C 1998
- D 1999

<b>Pasukan</b>	Hijau	Merah	Kuning	Biru
<b>Markah</b>	32	40	38	42

**Jadual 2**

- 18 Jadual 2 menunjukkan bilangan markah yang diperolehi oleh empat pasukan dalam satu pertandingan kuiz. Berapakah purata markah yang perlu ditambah kepada setiap pasukan supaya jumlah markah adalah 180?

- A 7
- B 28
- C 38
- D 45

<b>Kumpulan</b>	<b>Hari Pertama</b>	<b>Hari Kedua</b>	<b>Hari Ketiga</b>
<b>Cemerlang</b>	7	5	6
<b>Bestari</b>	6	0	9
<b>Amanah</b>	8	10	6
<b>Cekap</b>	6	8	7

**Jadual 3**

- 19 Jadual 3 menunjukkan bilangan peserta yang dapat menamatkan larian dalam satu masa yang ditetapkan dalam satu pertandingan merentas desa. Berdasarkan jadual, pasukan manakah yang memperolehi purata bilangan peserta yang lebih daripada tujuh orang?

- A Cemerlang
- B Bestari
- C Amanah
- D Cekap

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Dua permukaan rata</li> <li>ii. Dua sisi</li> <li>iii. Satu permukaan melengkung</li> </ul> |
|---|

- 20 Apakah nama pepejal yang mempunyai ciri-ciri di atas?

- A silinder
- B kubus
- C kuboid
- D kon


- 21 Sepasang baju kurung memerlukan 4 m kain. Jika harga semeter kain ialah RM16.50 dan upah menjahitnya ialah RM24.00, berapakah yang perlu dibayar oleh Sarimah untuk sepasang baju kurung?
- A RM 40.50
  - B RM 66.00
  - C RM 78.00
  - D RM 90.00
- 22 Amran menganggarkan berat sebiji labu ialah  $3\frac{3}{4}$  kg . Apabila ditimbang, berat sebenar labu itu adalah 4 kg. Berapakah beza antara berat sebenar dengan berat anggaran labu itu?
- A 3750 g
  - B 2500 g
  - C 650 g
  - D 250 g
- 23 Fadzil membeli 400 biji mangga dengan jumlah harga RM 52. Dia menjual 350 biji mangga itu dengan harga 18 sen sebiji. Bakinya dijual dengan jumlah harga RM 9.50. Berapakah jumlah keuntungannya?
- A RM 11.00
  - B RM 20.50
  - C RM 42.50
  - D RM 72.50
- 24 Puan Salmah membeli 4 kg tepung. Dia menggunakan  $\frac{1}{4}$  daripadanya untuk membuat kuih dan 550g lagi untuk membuat roti. Berapa banyak tepung yang belum digunakan?
- A 1.55 kg
  - B 2.45 kg
  - C 3.45 kg
  - D 3.55 kg
- 25 Shiela ada 110 biji manik. Amelia ada 40 biji manik lebih daripada Sheila dan Ronny ada 70% daripada jumlah manik Amelia. Jumlah manik Ronny ialah
- A 105
  - B 77
  - C 70
  - D 28

Kuantiti	Barang	Harga Seunit	Harga
3	Buku latihan		
2	Buku nota	RM 5.60	
5	Pensil warna	RM 0.50	
		<b>Jumlah</b>	

**Jadual 4**

**26** Jadual 4 menunjukkan barangan yang dibeli oleh Amin. Jika Amin membayar RM 20 dan baki wang diterima ialah RM 3.90, berapakah harga bagi sebuah buku latihan itu?

- A RM 1.20
- B RM 0.80
- C RM 0.60
- D RM 0.40




**RAJAH 4**

**27** Dalam rajah 4 di atas, EF dan EH adalah sama panjang dan perimeter segi empat EFGH ialah 28 cm. Berapakah panjang EH?

- A 16 cm
- B 12 cm
- C 8 cm
- D 6 cm





RAJAH 5


- 28 Rajah 5 dilukis pada petak-petak segi empat sama yang sama besar. Di antara segi tiga-segi tiga bertanda P, Q, R dan S yang manakah sebuah segi tiga kaki sama?

- A P
- B Q
- C R
- D S

Anak	Shahida	Shahira	Wahida
Umur	3 tahun 4 bulan	5 tahun 6 bulan	8 tahun 11 bulan


JADUAL 5

- 29 Jadual 5 menunjukkan umur ketiga-tiga orang anak Puan Maimon. Berapakah jumlah umur mereka?
- A 16 tahun 1 bulan
  - B 16 tahun 2 bulan
  - C 17 tahun 9 bulan
  - D 18 tahun 1 bulan
- 30 Amira menghadiri kelas tuisyen selama 5 jam sehari. Berapa lamakah masa dalam jam, dia menghadiri kelas tuisyen selama 3 minggu kecuali hari Ahad?
- A 15 jam
  - B 35 jam
  - C 90 jam
  - D 105 jam



RAJAH 6


- 31** Rajah 6 di atas, panjang TR ialah 13 cm. Berapakah luas bahagian yang berlorek dalam  $\text{cm}^2$
- A 83  
 B 110  
 C 116  
 D 143
- 32** Ghani membelanjakan  $\frac{1}{5}$  daripada gajinya untuk membayar bil. Jika baki gaji Ghani ialah RM 820, berapakah gajinya?
- A RM 1 025  
 B RM 984  
 C RM 656  
 D RM 164
- 33** Mak Esah membuat 280 biji kuih karipap dengan kos sebanyak RM 27.60.  $\frac{1}{7}$  daripada kuih karipap itu diberi kepada jirannya. Baki kuih karipap itu dijual dengan harga 35 sen sebiji. Berapakah keuntungan Mak Esah jika semua kuih itu habis dijual?
- A RM 80.00  
 B RM 70.40  
 C RM 58.40  
 D RM 56.40



**RAJAH 7**

- 34** Graf palang dalam Rajah 7 menunjukkan bilangan kasut yang dijual oleh Encik Maniam dalam empat hari tertentu. Jika pada hari Ahad, Encik Maniam dapat menjual  $\frac{3}{5}$  daripada bilangan kasut yang dijual pada hari Sabtu, berapakah jumlah bilangan kasut yang dijual olehnya selama lima hari?





- A 84 biji
- B 192 biji
- C 320 biji
- D 404 biji



**RAJAH 8**

35 Rajah 8 di atas menunjukkan 5 buah pekan yang dihubungi dengan beberapa batang jalan. Yusri memandu keretanya dari P ke S melalui jalan yang paling dekat manakala Siva memandu keretanya dari P ke S melalui T. Cari berapakah beza jarak perjalanan mereka.

- A 4 km
- B 8 km
- C 16 km
- D 28 km

<b>1997</b>	
<b>1998</b>	
<b>1999</b>	
<b>2000</b>	
<b>2001</b>	



mewakili 50 buah kereta

### RAJAH 9

36 Piktograf di atas menunjukkan bilangan kereta yang dijual dalam tempoh 4 tahun. Jika purata kereta yang dijual dari tahun 1997 hingga 2001 ialah 200 buah setahun, maka bilangan kereta yang dijual pada tahun 2001 ialah

- A 250
- B 300
- C 400
- D 500

Jam	Aktiviti
0825 - 0940	Membasuh pakaian
0835 - 0940	Mengemas rumah
1225 - 1320	Memasak
1630 - 1745	Berkebun


JADUAL 6

- 37 Jadual 6 menunjukkan masa mula dan masa akhir bagi sesuatu aktiviti yang dilakukan oleh Aisyah dalam sehari. Di antara aktiviti itu, yang manakah tempoh masanya sama?
- A Membasuh pakaian dan berkebun  
 B Mengemas rumah dan berkebun  
 C Memasak dan berkebun  
 D Mengemas rumah dan memasak
- 38 Seutas tali panjangnya 3.12 meter. Faridah telah memotong tali tersebut kepada empat bahagian yang berukuran 0.7 m setiap satu. Berapakah panjang ukuran tali yang tinggal, dalam cm?
- A 0.032 cm  
 B 0.32 cm  
 C 3.2 cm  
 D 32 cm

BAYARAN LETAK KERETA	
1 Jam pertama	: RM2
Setiap tambahan $\frac{1}{2}$ jam	: RM 0.75

JADUAL 7

- 39 Jadual 7, menunjukkan kadar bayaran letak kereta di sebuah pekan. Berapakah bayaran meletak kereta bagi 9 buah kereta dalam masa 3 jam?
- A RM 48  
 B RM 45  
 C RM 12  
 D RM 3



**40** Rajah 10 menunjukkan pembahagian buah duku mengikut peratus masing-masing. Jika perbezaan buah duku yang diterima antara Azaman dan Kumar ialah 10 biji, berapakah jumlah duku yang diterima oleh mereka bertiga?

- A 500
- B 400
- C 300
- D 200

**KERTAS SOALAN TAMAT**